

TARIKH	JUMAAT, 19 JULAI 2024
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	SASAR JUALAN 5 PRODUK BIOTEKNOLOGI RM400 JUTA
M/S	31
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MOSTI



Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menasaskan nilai jualan hampir RM400 juta daripada pelancaran lima produk bioteknologi oleh syarikat berstatus BioNexus dan Pemecut Berasaskan Bio (BBA) dalam tempoh tiga tahun akan datang. Produk tersebut ialah baja bio daripada hasil sampingan pembuatan pulpa oleh Nextgreen Global Bhd, jus kelapa isotonik prebiotik dan probiotik oleh Culvita, minuman bijirin dengan ubi keledek ungu dan beri biru serta serbuk kering beku kacang soya fermentasi oleh GoodMorning Global dan tablet yang mengandungi ekstrak tiga jenis cendawan perubatan oleh Ganofarm.

Menterinya, Chang Lih Kang berkata, pelancaran produk itu akan memberi suntikan yang memberangsangkan buat syarikat bioteknologi dan berharap banyak lagi produk seumpamanya memasuki pasaran negara sekali gus merancakkan ekonomi.

"Kita harap lebih banyak syarikat akan bekerjasama dengan Malaysian Bioeconomy Development Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) dan menggunakan Pameran dan Persidangan Bioekonomi Kebangsaan 2024 (NBiOSHOWCASE 2024) sebagai platform untuk memperluas akses ke pasaran tempatan mahupun antarabangsa," katanya kepada pemberita semalam.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pertukaran Dokumen dan Pelancaran Produk di NBiOSHOWCASE 2024 di sini.

Sasaran jualan ditetapkan bagi tempoh tiga tahun akan datang

DISEDIAKAN OLEH	NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---